



MAJLIS PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA
(Human Resources Development Council)
TINGKAT 7, EXCHANGE SQUARE
OFF JALAN SEMANTAN, BUKIT DAMANSARA
50490 KUALA LUMPUR

Tel : 03-20984800

Fax : 03-20935722

PEKELILING MAJIKAN BIL 3/98

BANTUAN KEWANGAN KEPADA MAJIKAN KECIL DAN SEDERHANA YANG MENDAPAT GERAN LATIHAN DARIPADA PERBADANAN PEMBANGUNAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA (SMIDEC)

1. Tujuan

- 1.1 Tujuan pekeling ini adalah untuk memaklumkan bahawa majikan perusahaan kecil dan sederhana yang mendapat geran latihan untuk membiayai 50% yuran kursus daripada Perbadanan Perusahaan Kecil Dan Sederhana (SMIDEC), juga berkelayakan mendapat bantuan kewangan tambahan di bawah Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (KWPSM) iaitu sebanyak 45% dari kadar yuran yang dikenakan oleh penyedia latihan. Dengan demikian, pada keseluruhannya mereka mendapat bantuan kewangan sebanyak 95% dari jumlah yuran yang dikenakan oleh penyedia latihan.

2. Latarbelakang

- 2.1 Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC) telah melantik tujuh pusat latihan yang akan melatih pekerja-pekerja majikan perusahaan kecil dan sederhana. Majikan-majikan yang melatih pekerja di pusat-pusat latihan berkenaan hanya perlu membayar 50% yuran yang dikenakan oleh penyedia latihan dan baki yuran sebanyak 50% lagi adalah merupakan geran latihan daripada SMIDEC yang disalurkan kepada pusat-pusat latihan yang dilantik oleh SMIDEC.
- 2.2 Pada masa ini, pusat-pusat latihan yang telah dilantik oleh SMIDEC adalah France-Malaysia Institute (FMI), Terengganu Advance Technical Institute (TATI), Sarawak Skills Development Centre (PPKS), German Malaysia Institute (GMI), Penang Skill Development Centre (PSDC), Pahang Skill Development Centre (PSDC) dan Johor Skills Development Centre (PUSPATRI).

3. DEFINASI MAJIKAN KECIL DAN SEDERHANA

- 3.1 Syarikat Perusahaan Kecil Dan Sederhana telah didefinisikan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri sebagai syarikat yang mempunyai pekerja separuh masa seramai tidak melebihi 150 orang dan nilai jualan tahunan tidak melebihi RM25 juta. Dalam hubungan ini, syarikat sederhana adalah syarikat yang mempunyai pekerja sepenuh masa antara 51 hingga 150 orang dan nilai jualan tahunan adalah diantara RM 10 juta hingga RM25 juta. Manakala syarikat kecil adalah syarikat yang mempunyai pekerja sepenuh masa tidak melebihi 50 orang dan nilai jualan tahunan tidak melebihi RM10 juta.

4. KADAR BANTUAN KEWANGAN

- 4.1 Untuk menggalakkan lagi penglibatan aktif majikan perusahaan kecil dan sederhana dalam melatih semula dan meningkatkan kemahiran pekerja, Majlis ini telah memutuskan bahawa majikan yang mendapat geran latihan daripada SMIDEC, juga berkelayakan

mendapat bantuan kewangan di bawah KWPSM. Kadar bantuan kewangan daripada KWPSM adalah 45% daripada kadar yuran yang dikenakan oleh penyedia latihan.

- 4.2 Bagi perbelanjaan tambang kapalterbang kelas ekonomi (jika ada) atau elaun harian jika dibayar kepada pekerja semasa menyertai latihan, majikan layak mendapat bantuan kewangan pada kadar 95% daripada perbelanjaan sebenar atau mengikut kadar amaun elaun harian yang ditetapkan pada masa ini, di mana yang terendah.
- 4.3 Pembayaran kepada tuntutan yang dikemukakan akan berasaskan kepada baki levi yang terdapat di dalam akaun majikan masing-masing.
- 4.4 Kemudahan pemberian tambahan bantuan kewangan ini hanya diberikan kepada majikan yang mendapat geran latihan daripada SMIDEC sahaja. Bagi majikan yang tidak mendapat geran latihan daripada SMIDEC, kadar bantuan kewangan adalah mengikut kadar yang terpakai sekarang iaitu 80% bagi latihan dalam bidang teknikal, kraf dan komputer dan 75% bagi lain-lain bidang kemahiran.

5. PROSEDUR PERMOHONAN GERAN LATIHAN DI BAWAH KWPSM

- 5.1 Bagi program-program latihan yang ditawarkan oleh penyedia latihan di bawah Skim PROLUS atau PERLA, prosedur yang berkuatkuasa sekarang mestilah diikuti.
- 5.2 Bagi program latihan yang bukan ditawarkan di bawah skim yang dinyatakan di para 5.1, majikan perlu mengemukakan permohonan geran latihan di bawah Skim Bantuan Latihan (SBL) atau Pelan Latihan Tahunan (PLT) dengan menggunakan semua prosedur yang terpakai bagi skim-skim latihan berkenaan. Di samping itu, pada masa mengemukakan permohonan geran latihan, majikan hendaklah mengemukakan pengesahan penyedia latihan mengenai pemberian geran latihan daripada SMIDEC dalam borang MPSM/SMIDEC/1/98.

6. PROSEDUR TUNTUTAN PEMBAYARAN GERAN LATIHAN

- 6.1 Bagi tuntutan pembayaran geran latihan oleh majikan dalam semua skim latihan iaitu Skim SBL, PROLUS, PLT atau PERLA, prosedur yang digunakan pada masa ini bagi skim-skim berkenaan adalah terpakai. Di samping itu, majikan perlu juga mengemukakan pengesahan daripada penyedia latihan mengenai bilangan pekerja yang telah menghadiri latihan beserta jumlah geran latihan yang mereka terima daripada SMIDEC yang juga menggunakan borang yang sama iaitu MPSM/SMIDEC/1/98.
- 6.2 Bagi penyedia latihan yang membuat tuntutan di bawah Skim PERLA, semua prosedur di bawah skim berkenaan digunakan termasuk mengemukakan senarai kehadiran dan borang [MPSM/SMIDEC/1/98](#).

7. TARIKH KUATKUASA

Pekeliling Majikan Bil 3/98 ini berkuatkuasa mulai 1 Januari 1998

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(YAU DE PIYAU)

Ketua Pengarah,
Majlis Pembangunan Sumber Manusia

S.K Semua Penyedia Latihan berkaitan

**PENGESAHAN PENYEDIA LATIHAN BAGI PERMOHONAN GERAN LATIHAN DAN
TUNTUTAN GERAN LATIHAN**

**BANTUAN KEWANGAN KEPADA MAJIKAN YANG MENDAPAT GERAN LATIHAN
DARIPADA SMIDEC**

A. MAKLUMAT MAJIKAN (Diisi oleh Majikan)

1. Nama Majikan :

2. No. Kod Majikan :

B. MAKLUMAT KURSUS (Diisikan oleh Penyedia Latihan)

3. Tajuk Kursus :

(Kandungan kursus dan biodata pengajar hendaklah disertakan*)

4. Yuran Seorang Peserta : _____

(Yuran penuh sebelum pemberian latihan SMIDEC)

5. Bilangan Peserta : _____ (Bilangan peserta dari
sesebuah syarikat PKS yang mendapat geran daripada SMIDEC)

6. Tarikh Latihan : Dari : _____ Hingga : _____

7. Amaun geran latihan yang akan/telah diterima dari SMIDEC : RM

C. PENGESAHAN PENYEDIA LATIHAN

8. Saya mengesahkan bahawa majikan seperti diatas mendapat geran latihan daripada SMIDEC sebanyak RM _____ kerana seramai (bilangan pekerja) _____ orang pekerja akan/telah ** mengikuti latihan di pusat latihan kami.

Tandatangan : _____

Nama : _____

Cop Penyedia

Latihan : _____

Tarikh : _____

* Dikemukakan pada masa membuat permohonan geran latihan SBL atau PLT

** Potong Yang Mana Tidak Berkenaan